

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [BANGI]

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kemuflian yang dilaporkan untuk setiap bulan dari Mac 2020 hingga ke Oktober 2020.

**JAWAPAN: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI(PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kebangkrapan mengikut bilangan individu yang mufliis serta pecahan negeri dari Mac 2020 hingga ke Ogos 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1:**

**JADUAL 1 : Jumlah kes kebangkrapan yang didaftarkan pada bulan
Mac - Ogos 2020**

Cawangan Jabatan Insolvensi Malaysia	Tahun 2020						
	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Jumlah
Wilayah Persekutuan	39	0	0	68	84	117	308
Selangor	10	0	0	150	267	285	712
Johor Bahru	57	0	7	36	44	0	144
Perak	40	0	14	33	63	46	196
Pulau Pinang	10	0	32	33	21	21	117
Kedah	24	0	5	26	47	52	154
Muar	15	0	0	24	22	26	87
Sabah	42	0	6	74	88	87	297
Kelantan	12	0	5	2	17	40	76

Melaka	32	0	0	9	21	33	95
Negeri Sembilan	47	0	28	22	26	3	126
Temerloh	9	0	9	16	17	22	73
Pahang	21	0	0	19	25	18	83
Sarawak	12	0	1	36	39	22	110
Terengganu	21	0	0	6	15	55	97
Miri	14	0	5	20	25	13	77
Sibu	12	0	0	11	19	15	57
Taiping	6	0	6	19	26	24	81
Tawau	5	0	23	16	34	18	96
Sandakan	8	0	5	18	17	13	61
Perlis	2	0	0	3	2	5	12
JUMLAH	438	0	146	641	919	915	3,059

Bagi tempoh tersebut, kes-kes kebangkrapan tersebut bukan berpunca daripada pandemik COVID-19 memandangkan seorang pemiutang hanya boleh mengemukakan petisyen kebangkrapan terhadap penghutang apabila tindakan kebangkrapan diasaskan telah berlaku dalam tempoh enam (6) bulan sebelum mengemukakan petisyen berdasarkan peruntukan seksyen 5(1)(c) Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*].

Bagi melihat kesan sebenar COVID-19 ke atas penghutang, ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun memandangkan moratorium diberikan selama enam (6) bulan dan pemiutang hanya boleh mempetisyen tindakan kebangkrapan yang diasaskan telah berlaku dalam tempoh enam (6) bulan sebelum mengemukakan petisyen.

Sekian, terima kasih.